

BAHAGIAN A

[40 *markah*]Jawab **semua** soalan

1. Nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran berdasarkan sejarah, corak perjuangan dan karisma pemimpinnya. Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara Barat mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di negara kita.

(a) Namakan gerakan nasionalisme yang muncul di Barat

i)

ii)

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peristiwa tercetusnya gerakan nasionalisme di 1(a)

i)

.....

ii)

.....

[4 *markah*]

(c) Gerakan nasionalisme di Barat telah mencetuskan kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara.

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada gerakan nasionalisme tersebut

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

2. Pilihan raya merupakan asas ke arah berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

(a) Nyatakan **dua** kawasan yang terlibat dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952.

(i)

.

(ii)

.

[2 *markah*]

(b) Jelaskan syarat untuk menjadi calon dalam Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955.

.....

.

.....

.

.....

.....

[4

markah]

(c) Andaikan anda telah dipilih menjadi calon untuk bertanding dalam pilihan raya umum negara. Apakah pendekatan berkesan untuk menarik pengundi muda?

.....

.

.....

.

.....

.

.....

.

[4 markah]

3. “Mungkin telah ada dalam fikiran pencipta perlembagaan itu bahawa unsur-unsur tradisional ini diperlukan untuk kestabilan serta kemajuan negara dan memainkan peranan penting dalam perjalanan Perlembagaan”.

Tun Mohd Salleh Abas, 1985. *Unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (a) Nyatakan maksud perlembagaan.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

- (c) Perlembagaan penting bagi menjamin kedaulatan negara kita. Huraikan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

4. Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969.

- (a) Nyatakan **dua** faktor yang mencetusnya tragedi rusuhan kaum di negara kita

i).....

ii).....

[2 *markah*]

- (b) Terangkan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah peristiwa 13 Mei 1969

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

- (c) Peristiwa hitam negara pada 13 mei 1969 telah menyebabkan negara berada dalam keadaan tidak stabil dan membawa kepada banyak kemusnahan nyawa dan harta.

Sumber : Arkib Negara Malaysia

Bagaimanakah cara untuk mengelakkan peristiwa rusuhan kaum daripada berulang.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.*

5. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu bermula apabila Singapura ditawan pada 15 Februari 1942.

(a) Jelaskan faktor Tanah Melayu menjadi sasaran tentera Jepun.

[4 markah]

(b) Huraikan layanan Jepun terhadap penduduk di Tanah Melayu.

[8 markah]

(c) Sebagai generasi muda hari ini, bagaimanakah anda berperanan dalam mengekalkan kemerdekaan negara?

[8 markah]

6. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah lambing kejayaan perjuangan orang-orang Melayu mempertahankan maruah bangsa dan negara.

(a) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk?

[4 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[8 markah]

(c) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menyumbang kepada pengukuhan negara dan bangsa Malaysia sehingga kini.
Beri penjelasan anda.

[8 markah]

7 Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

(a) Nyatakan bidang kuasa berikut:

(i) Kerajaan Persekutuan.

[4

markah]

(ii) Kerajaan Negeri.

[4

markah]

(iii) Kerajaan Tempatan.

[4

markah]

(b) Gambar berikut berkaitan dengan Perumahan Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.



Berdasarkan gambar, terangkan manfaat yang diperoleh rakyat daripada projek tersebut?

[8 *markah*]

8 Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) diteruskan dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum.

(a) Nyatakan latar belakang pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

[4 *markah*]

(b) Terangkan pelaksanaan DPN yang dilakukan melalui

i. Penyusunan semula modal saham.

[4 *markah*]

ii. Pembangunan wilayah.

[4 *markah*]

(c)

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKM) adalah salah satu program yang bertujuan membantu kumpulan miskin dan berpendapatan rendah di bandar meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga.

Pelaksanaan PPKB adalah selari dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia kesepuluh (RMK-10) iaitu untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 ke 2.0% pada tahun 2015 dan meningkatkan purata pendapatan isi rumah berpendapatan 40% terendah (dirujuk sebagai B40 daripada RM 1440 pada tahun 2009 kepada RM 3050 pada tahun 2015.

Sumber : <https://www.malaysiakini.com/news/496067>

8

Program ini juga selaras dengan Dasar Kemakmuran Bersama 2030.

Berdasarkan petikan di atas, sejauhmanakah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) membawa perubahan kepada kemajuan sosial masyarakat Malaysia?

[8 markah]

- 9 Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi, sosial dan politik di peringkat domestik dan antarabangsa.

(a) Apakah matlamat penggubalan dasar luar?

[4 markah]

(b)

Komanwel merupakan sebuah badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka. Badan ini ditubuhkan untuk membina semangat setia kawan negara anggota serta mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Buku Teks Sejarah Tingkatan 5

Jelaskan peranan Malaysia sebagai anggota anggota Komanwel.

[8 markah]

- (c) Gambar menunjukkan kontinjen Malaysia melangkah megah semasa perasmian Sukan Komanwel 1998 di Malaysia.



Huraikan faedah yang diperoleh kepada Malaysia dengan menganjurkan Sukan tersebut?

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT